

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MENSTRUAL BLOOD CLEANING PRACTICES ACCORDING TO ISLAMIC APPROACH]

AMALAN PENGURUSAN BERSUCI DARAH-DARAH WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

NOR KARTINA BINTI TAWANG ^{1*}

BASRI BIN IBRAHIM ²

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, Malaysia.

² Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author: norkartina_18@yahoo.com.my

Received Date: 7 April 2016 • Accepted Date: 28 July 2016

Abstract

The era of modernization today shows a lot of confusion for women lack understanding and practices which meet the ideals of blood-related blood management in accordance with the Islamic perspective on women in their daily lives. The objective of this article is to analyze the blood management practices have washed yourselves and explain the views of the blood of women scholars muktabar against the concept of blood the blood of the woman according to an Islamic perspective. This article refers to the writing of scholars in the field of ancient and contemporary Islamic jurisprudence based on proofs syar'i al-Quran and al- Sunnah. Based on their interpretation of the Quran and al Hadith then the concept and practice of the management of clean blood, the blood of the woman has been analysed and find specific findings. The study found that there are three categories of practice that can be analyzed, first blood management practices of clean blood women ' before ' the advent of blood, the blood of women itself, second the current management practices, clean, the coming of the blood-the blood of women and third clean management practices ' next '. For category management practices ' blood ' before the advent of the women's blood can be analyzed on the calendar management comes months properly and advance hair cutting claws and cleanliness. While the second category management practices during the 'clean' blood, the blood of the arrival of women on the other hand, can be analyzed the importance of bodily hygiene and clothing, confidential tool care, the use of pads or tampons are keep menstrual taboos and nifas. The third category is the practice of management ' after ' the advent of clean blood's of women, menstrual and hadas is a bath and clean of nifas blood istihadhah.

Keywords: *The blood's of Women Practices; Management of blood's women; Clean Management; Fiqh of lood's women; The practice of Menstruation, Nifas and Istihadhah.*

Abstrak

Era modenisasi hari ini memperlihatkan banyak kekeliruan kaum wanita kurangnya kefahaman dan amalan yang menepati syariat berkaitan pengurusan darah-darah wanita menurut perspektif

Islam dalam kehidupan seharian mereka. Objektif artikel ini adalah untuk menganalisis amalan pengurusan bersuci darah-darah wanita serta menjelaskan pandangan ulama muktabar terhadap konsep berkaitan darah-darah wanita tersebut menurut perspektif Islam. Artikel ini merujuk kepada penulisan para sarjana dalam bidang fiqh Islam silam dan kontemporari yang berlandaskan dalil-dalil syar'i bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Berasaskan interpretasi al-Quran dan al-Hadis maka konsep dan amalan pengurusan bersuci darah-darah wanita tersebut dianalisis dan telah menemukan hasil dapatan yang khusus. Kajian ini mendapati terdapat tiga kategori amalan yang dapat dianalisis iaitu pertama amalan pengurusan bersuci darah-darah wanita 'sebelum' kedatangan darah-darah wanita itu sendiri, kedua amalan pengurusan bersuci 'semasa' kedatangan darah-darah wanita tersebut dan ketiga amalan pengurusan bersuci 'selepasnya'. Bagi kategori amalan pengurusan 'sebelum' kedatangan darah-darah wanita tersebut dapat dianalisis tentang pengurusan kalendar datang bulan dengan betul dan mendahulukan kebersihan memotong kuku dan rambut. Manakala kategori kedua amalan pengurusan bersuci 'semasa' kedatangan darah-darah wanita pula, dapat dianalisis kepentingan kebersihan tubuh badan dan pakaian, penjagaan alat sulit, penggunaan tuala wanita atau tampon dan menjaga pantang larang ketika haid dan nifas. Kategori ketiga ialah amalan pengurusan bersuci 'selepas' kedatangan darah-darah wanita, ialah mandi hadas haid dan nifas serta bersuci daripada darah istihadhah.

Kata Kunci: Amalan Darah-darah Wanita; Pengurusan Darah-darah Wanita; Pengurusan Bersuci; Fiqh Darah-darah Wanita; Amalan Haid, Nifas dan Istihadhah.

Cite as: Nor Kartina Binti Tawang & Basri Bin Ibrahim. 2016. Amalan Pengurusan Bersuci Darah-Darah Wanita Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13(1): 77-93

PENDAHULUAN

Darah-darah wanita yang dimaksudkan ialah haid, nifas dan istihadhah. Ketiga-tiga jenis darah ini adalah dua perkara alami yang hanya berhubung kait dengan kaum wanita sahaja. Pada era modenisasi ini semakin ramai yang meringankannya. Dalam minda perempuan masa kini, apabila kedatangan haid mereka hanya mengagak-agak bahawa darah yang keluar itu ialah haid dan apabila melebihi tempohnya maka ianya dikatakan pula istihadhah, pada hal perkara tersebut kadang-kadang sebaliknya. Persoalan berkaitan darah-darah wanita ini sering menjadi persoalan dalam kalangan kaum wanita hari ini dan dibahaskan dalam kalangan fuqaha, di antaranya bagaimanakah pengurusan bersuci sebelum, semasa dan selepas kedatangan darah-darah-darah wanita tersebut menurut perspektif Islam dan apakah pandangan ulama muktabar tentang konsep pengurusan tersebut?

Pandangan Islam mengenai konsep pengurusan bersuci ini telah dihuraikan dan dijelaskan dalam karya-karya ulama terdahulu dan juga masa kini. Antara tokoh-tokoh ulama yang telah membincangkan isu ini ialah Al-Bukhari (1987), Al-Muslim (1996), al-Bujairimi (1996), Ibnu Manzur (1994), Nuruddin (1991) dan lain-lain. Antara penulisan dalam Bahasa Melayu pula ialah penulisan yang dihasilkan oleh Anisah (2013), Basri (2006), Mansoor (2010) dan lain-lain.

Artikel ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan. Data-datanya dipungut daripada berbagai- bagai pandangan ulama terdahulu dan dimuatkan dalam pelbagai karya terutama sekali karya penulisan ibadah dan fiqh wanita. Data-data ini dianalisa dan dibuat kesimpulan dengan mengaitkan nas-nas daripada al-Quran, al-Hadis, masalah dan mafsadah, kaedah-kaedah fiqh dan pelbagai pandangan ulama terdahulu dan juga masa kini.

Amalan pengurusan bersuci darah-darah wanita menurut perspektif Islam yang dibincangkan dalam artikel ini melibatkan tiga bentuk amalan iaitu amalan sebelum, semasa dan selepas tentang pengurusan bersuci darah-darah wanita menurut Islam. Amalan yang dimaksudkan ialah mengurus kalendar datang bulan, mendahulukan memotong kuku dan rambut (amalan sebelum), kebersihan tubuh badan dan pakaian, penjagaan alat sulit ketika haid dan nifas, penggunaan tuala wanita, pantang larang dan pengurusan diri (amalan semasa), mandi hadas dan nifas dan amalan-amalan sunat ketika mandi haid dan nifas (amalan selepas).

AMALAN PENGURUSAN BERSUCI SEBELUM KEDATANGAN DARAH-DARAH WANITA

Pengkaji mengkategorikan pengurusan bersuci sebelum kedatangan darah-darah wanita ini kepada amalan mengurus kalendar datang bulan dan mendahulukan memotong kuku dan rambut pada masa suci. Darah-darah wanita yang dimaksudkan adalah darah haid, nifas dan istihadhah.

a. Mengurus Kalendar Datang Bulan

Kedatangan darah haid, nifas dan istihadhah seorang wanita perlu diurus dengan baik justeru berkait dengan pengurusan bersuci seorang wanita secara umum. Kalendar darah wanita tersebut secara peribadi perlu didisiplinkan dalam kehidupan harian, bulan dan tahunan memandangkan perkara amalan tersebut adalah suatu rujukan terbaik untuk dilihat dan disemak jika berlaku kekeliruan dan permasalahan dalam darah-darah tersebut. Menurut Muzayyanah dan Rohayati (2012: 19) wanita yang mengalami kedatangan darah-darah wanita disarankan merekodkan pengeluaran darah haid dalam kalendar ataupun *planner* yang terdapat dalam sesebuah diari tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan darah-darah tersebut iaitu tarikh dan masa haid bermula, sifat-sifat darah yang keluar dari segi warna, kepekatan dan baunya, waktu solat yang tertinggal disebabkan haid datang sebelum sempat menunaikan solat fardhu atau disebabkan lambat mandi wajib selepas kering haid (jika ada), waktu darah haid kering, senggugut atau gejala lain yang berlaku semasa haid dan hari-hari tinggal puasa Ramadhan atas uzur sya'rie tersebut.

Terdapat pelbagai cara merekodkan pengurusan tersebut agar perkara-perkara berkaitan mudah diingati dan dapat didisiplinkan dalam pengurusan bulanan wanita. Berikut adalah salah satu contoh jadual pengurusan secara kalendar yang ditemukan oleh penulis dalam amalan ini.

Jadual 1: Kalendar Kitaran Haid (Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Modul KSSR Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun Empat 2013: 8)

Bulan/ Tarikh	Jn	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis
1				X	X							
2		X	X	X	X							
3		X	X	X	X							
4		X	X	X	X							
5	X	X	X	X								
6	X	X	X	X								
7	X	X	X									
8	X	X	X									
9	X											
10	X											
11	X											
12												
13												
14												
15												
16												
17												
18												
19												
20												
21												
22												
23												
24												
25												
26												
27												
28												
29				X								
30				X								
31			X	X								

Bilangan X menunjukkan bilangan hari haid dalam sebulan. Contoh 7 hari dalam bulan Januari.

Manakala Mansoor (2010: 40) juga ada memuatkan pelbagai kalendar catatan haid dan istihadhah, di samping fokus yang diutarakan lebih banyak berkaitan dengan hukum. Antara

catatan yang dibuat oleh beliau ialah tarikh, masa keluar, tempoh keluar dan hukum. Terdapat juga contoh kalendar yang lain bagi menjelaskan juga tentang hukum haid yang berkaitan seperti tarikh keluar haid, masa, keluar/tidak keluar darah, tempoh keluar dan hukum. Pengkaji berpendapat jika digabungkan beberapa elemen yang dicadangkan oleh Muzayyanah dan Roshayati 2013 dan Mansoor 2010 adalah contoh catatan kalendar yang boleh diamalkan oleh generasi hari ini.

Amalan mengurus kalendar datang bulan wanita ini adalah sesuatu yang baik dan sistematik untuk diamalkan baik generasi tua atau muda. Ianya penting bagi mengingatkan mereka tentang tarikh sebenar kedatangan haid tersebut, tempohnya, sifat darahnya serta kewajipan seperti solat atau puasa yang telah ditinggalkan. Berdasarkan analisa kepada penjelasan ulama terdahulu berkaitan pengiraan haid pula, mereka hanya sekadar merujuk kepada bilangan hari dan mengikut kebiasaan wanita. (E-Fatwa, 22hb Ogos 2014). Imam Al-Ramli pula menjelaskan menurut ulama bermazhab Saficie tempoh minima haid seseorang wanita ialah sehari semalam dan maksimanya ialah lima belas hari. Darah yang keluar lebih daripada lima belas hari pula adalah darah Istihadhah (Al-Ramli, Nihayat al-Muhtaj, Jil. 1, 2009: 325). Maka tempoh ini dibolehkan oleh golongan wanita mengambil sebagai panduan mengurus perkara berkaitan darah-darah tersebut. Berkaitan dengan pengurusan mencatat tarikh-tarikh penting ini juga perlu diingatkan kiraan sebenar kedatangan haid adalah bermula dari keluarnya haid itu dan kebiasaan wanita yang datang haid itu juga adalah tempoh sebenar yang dialami mereka sama ada 5, 7 atau 15 hari. Tidak semestinya wanita yang datang haid pada 1 Januari atau 1 Muharam maka datangnya juga dikira 1 Februari dan ianya bukanlah semestinya jatuh pada tarikh yang sama bagi bulan yang berlainan. (Al-Syarbini dalam Mughni al-Muhtaj, Jil. 1, 1997: 15 dan Anisah, 2014: 35). Sehubungan dengan ini pengurusan kalendar perlu dikemaskinikan dalam kehidupan peribadi wanita secara konsisten sebagai satu amalan yang berterusan dan kefahaman hukum yang lebih jelas jika berlaku sesuatu kekeliruan.

b. Memotong Kuku Dan Rambut

Memotong kuku dan rambut kebiasaannya menjadi naluri dan rutin seorang wanita untuk melakukannya baik ketika didatangi haid atau nifas mahupun ketika suci. Terdapat juga sesetengah wanita mengamalkan amalan kebersihan ini ketika didatangi darah-darah wanita tersebut sahaja. Pada pandangan penulis amalan ini bukanlah satu larangan kerana belum ditemui dalil-dalil yang melarangnya. Memotong kuku dan rambut di sekitar kemaluan atau mencabut bulu ketiak adalah termasuk dalam fitrah yang disyariatkan dalam Islam. Ini adalah bertepatan dengan dalil sabda Rasulullah S.A.W menerusi Abi Hurairah R.A:

الْفِطْرَةُ خَمْسٌ أَوْ خَمْسٌ مِنَ الْفِطْرِ الْخِتَانُ، وَالْإِسْتِحْدَادُ وَتَنْفُ الْإِبْطِ وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ وَقَصُّ

الشَّارِبِ

Perkara fitrah ada lima iaitu khitan, mencukur rambut kemaluan, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan menggunting kumis (Al-Bukhari, Sahih, Bab Qossi Assyaribi, No. 5889, Juz. 7 : 160)

Syariat bersuci ini ditujukan umum kepada lelaki atau wanita baik dalam keadaan suci mahupun tidak. Larangan sebenar hanyalah ke atas mereka yang sedang dalam berihram haji atau umrah dan dilakukan dengan sengaja. Larangan ini ada disebut dalam hadis Rasulullah S.A.W menerusi Sayyidatina Aisyah R.A:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا نَذْكُرُ إِلَّا الْحَجَّ فَلَمَّا جِئْنَا سَرِفَ طِمِثُ فَدَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أَبْكِي فَقَالَ مَا يُبْكِيكِ قُلْتُ لَوَدِدْتُ وَاللَّهِ أَنِّي لَمْ أَحِجَّ الْعَامَ قَالَ لَعَلَّكِ نَفْسٌ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ فَإِنَّ ذَلِكَ شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ فَأَفْعَلِي مَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ أَنْ لَا تَطُوفِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي

Daripada Aisyah ia berkata, "Kami keluar bersama Nabi S.A.W dan tidak ada yang kami ingat kecuali untuk menunaikan haji. Ketika kami sampai di suatu tempat bernama Sarif aku mengalami haid. Lalu Nabi S.A.W masuk menemui aku saat aku sedang menangis. Maka Baginda bertanya: "Apa yang membuatkanmu menangis?" Aku jawab, "Demi Allah, pada tahun ini aku tidak boleh melaksanakan haji!" Baginda berkata: "Barangkali kamu mengalami haid?" Aku jawab, "Benar." Beliau pun bersabda: Yang demikian itu adalah perkara yang sudah Allah tetapkan buat puteri-puteri keturunan Adam. Maka lakukanlah apa yang dilakukan orang yang berhaji kecuali tawaf di Kaabah hingga kamu suci." (Muslim, Sahih, Kitab al-Hajj, Bab Bayani Wujuhil Ihram, Juzuk 4, No. 2980 : 31)

Sebaiknya amalan mengurus memotong kuku dan rambut diamalkan sebelum kedatangan haid dan nifas (sewaktu suci) sekalipun amalan tersebut bukanlah satu amalan yang dilarang ke atas wanita yang ketika sedang mengalami haid dan nifas. Namun menguruskan kebersihannya terlebih awal bagi mengelakkan kekeliruan terhadap hukumnya adalah diharuskan.

Amalan mengurus persediaan sebelum kedatangan haid memainkan peranan yang penting bagi membantu seseorang wanita mengingati tempoh haidnya serta kebersihan yang boleh diamalkan sepanjang masa serta memberi keyakinan ke atasnya terutamanya hukum-hukum yang terlibat.

AMALAN PENGURUSAN BERSUCI SEMASA KEDATANGAN DARAH-DARAH WANITA

Pengkaji mengkategorikan pengurusan bersuci semasa tentang darah-darah wanita ini pula kepada amalan kebersihan tubuh badan dan pakaian, penjagaan alat sulit ketika haid dan nifas, penggunaan tuala wanita atau tampon dan menjaga pantang larang ketika haid dan nifas.

a. Kebersihan Tubuh Badan dan Pakaian

Tuntutan kebersihan tubuh badan serta pakaian ke atas wanita yang sedang mengalami darah-darah wanita berkenaan amatlah dituntut melaksanakannya sepanjang masa. Dalam keadaan berjunub begitu kaum wanita tetap perlu menjaga kebersihan hakiki sepanjang masa dari segi zahirnya supaya kelihatan seperti wanita yang tidak didatangi darah-darah wanita berkenaan juga. Kebersihan yang dimaksudkan di sini ialah bersih dari *'ain* najis *mutawassitah* iaitu najis pertengahan seperti darah, nanah, muntah, tahi, air kencing, wadi (air yang keluar daripada kemaluan lelaki mahupun wanita semasa naik shahwat), cecair yang memabukkan serta susu dan mani binatang yang tidak halal dimakan iaitu anjing dan babi. Maka cara menyucikan najis *mutawassitah* ini hendaklah dicuci dengan air mutlak dengan wajib menghilangkan tiga perkara berikut iaitu *ain*, zat atau warnanya, baunya dan rasanya. (Ismail dan Mohd. Azrul, 2009: 64-65). Firman Allah S.W.T dalam al-Quran:

Pakaian dan tubuh badan seorang wanita yang sedang berhadass kerana didatangi darah haid atau nifas berkenaan wajib dibersihkan daripada segala kekotoran yang berkait. Ini adalah berpanduan kepada dalil berikut:

عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ قَالَ حَدَّثَنِي فَاطِمَةُ عَنْ أَسْمَاءَ قَالَتْ جَاءَتْ امْرَأَةً إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ إِحْدَانَا يُصِيبُ ثَوْبَهَا مِنْ دَمِ الْحَيْضَةِ كَيْفَ تَصْنَعُ بِهِ قَالَ تَحْتُهُ ثُمَّ تَقْرُصُهُ بِالْمَاءِ ثُمَّ تَنْضَحُهُ ثُمَّ تُصَلِّي فِيهِ

Daripada Hisyam bin Urwah dia berkata, telah menceritakan kepada kami Fatimah dari Asma' dia berkata, "Seorang perempuan datang menemui Nabi S.A.W dan berkata, 'Pakaian salah seorang dari kalangan kami terkena darah haid. Apakah yang harus dia lakukan? Baginda bersabda: "Keriklah darah itu terlebih dahulu, kemudian bilaslah ia dengan air, kemudian siramlah ia. Setelah itu kamu boleh menggunakannya untuk mendirikan solat." (Sahih Muslim, Kitab Taharah, Bab Najasah ad-Dami Wa Kaifiyyah Ghuslihi, Juz.1, No. 291)

Menerusi hadis di atas adalah dianjurkan supaya seorang wanita itu membuang terlebih dahulu *ain* darah berkenaan sebagaimana suruhan Nabi S.A.W ke atas seorang wanita supaya mengkerikkan (menghakis atau membuang) darah tersebut pada pakaian, kemudian dibilas dengan air yang bersih. Air yang bersih ini perlulah diulangi siramannya sehingga benar-benar bersih.

b. PENJAGAAN ALAT SULIT

Penjagaan alat sulit atau kemaluan ketika didatangi haid dan nifas adalah suatu amalan kebersihan yang wajib dilaksanakan dan dijaga sepanjang masa. Amalan ini dituntut sesuai dengan tuntutan syariat yang mengutamakan kebersihan dan kesucian dalam kehidupan. Sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W menerusi Malik al-Asy'ari:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ

Suci itu sebagian dari iman, bacaan Alhamdulillah memenuhi timbangan. (Sahih Muslim, Kitab Taharah, Bab Fadhlul Wudhu', Juz 1: 556)

Islam sangat menuntut golongan lelaki mahupun wanita patuh kepada ajaran Islam yang menuntut amalan lima fitrah yang perlu dijaga iaitu berkhitan, mencukur bulu di sekitar kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan mencukur misai. Amalan ini sesuai dengan hadis Nabi S.A.W menerusi Abi Hurairah R.A:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْفِطْرَةُ خَمْسٌ أَوْ خَمْسٌ مِنَ الْفِطْرَةِ الْخِتَانُ وَالْإِسْتِحْدَادُ وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ وَتَنْفُ الْإِبِطِ وَقَصُّ الشَّارِبِ

Dari Abu Hurairah dari Nabi S.A.W, beliau bersabda: Fitrah itu ada lima atau ada lima fitrah iaitu khitan, mencukur bulu kemaluan, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan mencukur kumis. (Sahih Bukhari, Kitab Allibasi, Bab Qosso Assyaribi, Juz 7: 5889)

Penjagaan alat sulit wanita ketika sedang didatangi darah-darah wanita berkenaan pula wajar diberi perhatian yang berat oleh seseorang. Keadaan ini dibuktikan dengan hadis Nabi S.A.W menerusi Aisyah R.A:

حَدَّثَنَا ابْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ مَنْصُورِ بْنِ صَفِيَّةٍ عَنْ أُمِّهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ امْرَأَةً سَأَلَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ غُسْلِهَا مِنْ الْمَحِيضِ فَأَمَرَهَا كَيْفَ تَغْتَسِلُ قَالَ خُذِي فِرْصَةً مِنْ مَسِكَ فَتَطْهَرِي بِهَا فَالْتِ كَيْفَ أَنْتَطَهَرُ قَالَ تَطْهَرِي بِهَا فَالْتِ كَيْفَ قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ تَطْهَرِي فَاجْبَدْتَهَا إِلَيَّ فَقُلْتُ تَبْعِي بِهَا أَتَرِ الدَّمَ

Telah menceritakan kepada kami Ibnu Uyainah dari Mansor bin Safiyyah, dari Ibunya dari Aisyah: Seorang wanita bertanya kepada Nabi S.A.W tentang cara mandi haid. Baginda S.A.W lalu memerintahkan wanita itu bagaimana cara mandi. Baginda S.A.W bersabda: Ambillah sepotong kapas yang diberi wewangian lalu bersucilah. Wanita itu bertanya: Bagaimana aku boleh suci? Beliau menjawab: Bersucilah dengan kapas itu. Wanita itu berkata lagi: bagaimana caranya aku bersuci? Beliau bersabda: Bersucilah dengan menggunakan kapas itu! Wanita itu bertanya lagi, Bagaimana caranya? Maka beliau berkata, "Subhanallah. Bersucilah kamu! Lalu aku menarik wanita itu ke arahku, lalu aku katakan: Kamu bersihkanlah sisa darahnya dengan kapas itu. (Al-Bukhari, Sahih, Kitab al-Haidh, Bab Dalki al-Mar'ah Nafsaha Iza Tohharot Min al-Mahidh, Juz. 1: No. 314)

Penggunaan kapas dan bahan pewangi untuk membersihkan alat sulit wanita telah dibangkitkan sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi sebagaimana hadis menerusi Sayyidatina Aisyah di atas. Rasulullah S.A.W menegaskan cucian darah yang dimaksudkan ialah sisa-sisa darah perlu dibersihkan jika masih ada berbaki, sebagai langkah berjaga-jaga dan

menambahkan lagi keyakinan kepada wanita tersebut. Kecuaian mengabaikan kebersihan alat sulit boleh menyebabkan jangkitan kuman pada faraj, ketidakselesaan dalam perhubungan seks dan pelbagai kesan lagi yang boleh dialami. Ilmu pengetahuan adalah suatu perkara yang penting dalam menitikberatkan kebersihan tubuh badan lebih-lebih lagi alat sulit wanita yang merupakan tempat yang paling sensitif. Kekurangan ilmu pengetahuan dalam penjagaan dan rawatan yang berterusan boleh menjadikan faktor penyebab kepada kemudharatan zahir dan batin ke atas seseorang wanita. (Muhtar A.B, 2012: 86).

c. Penggunaan Tuala Wanita atau Tampon

Pemilihan tuala wanita yang baik sangat mempengaruhi kesihatan seseorang wanita yang sedang mengalami darah-darah wanita. Pemilihan haruslah memenuhi piawaian yang membuktikan ciri-ciri kebersihan dan selamat diguna pakai baik untuk jangka masa pendek atau panjang. Kajian Kanser rahim dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan 80% daripada wanita di dunia menghadapi penyakit ginekologi pada tahap yang berbeza. Manakala sebanyak 75% daripada penyakit ginekologi berkenaan pula adalah berpunca daripada penjagaan yang tidak betul terhadap tuala wanita semasa kedatangan darah haid. Laporan WHO pada tahun 2012 sahaja terdapat sebanyak 528,000 kes baharu kanser serviks yang menyebabkan kematian seluruh dunia. Sebanyak 10.5% dari kematian wanita yang mengidap kanser adalah disebabkan oleh kanser servik. (Nor Khalilah dan Wan Amalina, 2015:27).

Segala langkah yang diamalkan dalam pemakaian tuala wanita atau tampon ketika mengalami haid, nifas dan istihadhah adalah langkah wanita yang mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan kebersihan sebagaimana tuntutan taharah ke atas semua muslim sesuai dengan firman Allah S.W.T di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ
وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى
أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadass kecil), maka berwuduklah iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu junub (berhadass besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh terkena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu tersentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah debu yang bersih iaitu sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu. Allah S.W.T tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan) tetapi ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu supaya kamu bersyukur. (Al-Quran, Al-Maidah, Juz

7:6)

d. Menjaga Pantang Larang Ketika Haid dan Nifas

i. Larangan Mengangkat Hadas atau Bersuci

Wanita yang sedang mengalami haid dan nifas dilarang bersuci iaitu dengan niat mengangkat bagi menghilangkan hadas. Ini bermakna seorang wanita itu dilarang mandi wajib atau mandi hadas besar bagi menghilangkan hadasnya. Perkara yang diharuskan adalah mandi biasa sahaja dengan niat untuk membersihkan diri pada zahirnya untuk menghilangkan kotoran dan bau yang tidak menyenangkan. Sekiranya terdapat wanita yang berniat juga untuk menghilangkan hadas haid dan nifasnya tetap hadasnya tidak hilang atau tidak terangkat. Larangan Nabi S.A.W dalam menjauhi perkara ini dilihat dalam hadis Rasulullah S.A.W menerusi Abu Hurairah R.A:

كَانَ أَبُو هُرَيْرَةَ يُحَدِّثُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَافْعَلُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلُكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ

Dari Abu Hurairah R.A berkata: Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: Apa sahaja yang aku larang terhadap kalian, maka jauhilah. Dan apa saja yang aku perintahkan kepada kalian, maka kerjakanlah semampu kalian. Sesungguhnya apa yang membinasakan umat sebelum kalian hanyalah karena mereka banyak bertanya dan menyalahi Nabi-nabi mereka. (Sahih Muslim, Kitab al-Fadhail, Bab Tauqiri S.A.W wa Tarki Iksari Sualih camma La Dharurota Ilaihi, Juz. 4:No.130)

ii. Larangan Solat

Solat merupakan satu amalan yang mensyaratkan orang yang mendirikan berada dalam keadaan bersih dan suci. Mereka yang berada dalam hadas dan kekotoran dilarang sama sekali mengerjakan solat sehinggalah segala tubuh badannya kembali bersih menurut syari'at. Sekalipun seorang wanita itu berniat murni ingin menambahkan ibadahnya atau menqadhakan solat tertinggal di masa lalunya, tetap solatnya tidak terangkat dan tidak sah bahkan haram dan berdosa seseorang itu mempermainkan larangan yang telah jelas di dalam sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِالْحَيْضَةِ فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَاتْرَكِي الصَّلَاةَ فَإِذَا ذَهَبَ قَدْرُهَا فَاعْسِلِي عَنْكَ الدَّمَ وَصَلِّي

Jika kamu telah mendapati kamu kedatangan haid maka tinggalkanlah solat, jika telah habis tempohnya maka bersucilah dan tunaikanlah solat. (Sahih al-

Bukhari, Kitab al-Haid, Bab al-Istihadhah, Juzuk 1:306)

iii. Larangan Puasa

ibadat puasa dilarang ke atas wanita yang sedang mengalami haid dan nifas baik puasa fardu mahupun sunat. Ini termasuklah jika kedatangan haid seorang wanita itu berlaku pada siang hari puasa maka terbatallah puasanya itu. Ibadat tersebut boleh di*qadha* semula apabila beliau suci kelak. Ini adalah berdasarkan hadis berikut:

حَدَّثَنَا قَتَادَةُ، قَالَ حَدَّثَنِي مُعَاذَةُ أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ لِعَائِشَةَ أَتَجْرِي إِحْدَانَا صَلَاتَهَا إِذَا طَهَّرَتْ؟ فَقَالَتْ أَحْرُورِيَّةٌ أَنْتِ؟ كُنَّا نَحِيضُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَا يَأْمُرُنَا بِهِ

Telah menceritakan kepada kami Qatadah berkata, telah menceritakan kepadaku Mucadzah, bahawa ada seorang wanita bertanya kepada cAisyah, apakah seorang dari kita harus melaksanakan solat yang ditinggalkannya bila sudah suci? cAisyah menjawab, apakah kamu dari kelompok Khawarij! Sungguh kami pernah mengalami haid di sisi Nabi S.A.W dan beliau tidak memerintahkan kami untuk itu. cAisyah mengatakan, kami tidak melakukannya (mengqadha). (Sahih Bukhari, Kitab al-Haid, Bab La Taqdhihi al-Haidhu as-Solat, Juz.1:321)

iv. Mengerjakan Tawaf di Baitillah

Manasik Haji dan lain-lain ibadah berkaitan tidak terhalang untuk dilaksanakan kecuali tawaf di Baitillahil Haram. Hukumnya adalah haram jika dilaksanakan jua kecuali dalam keadaan lupa atau tiada pengetahuan. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan pandangan fuqaha dalam keadaan tertentu seperti kesulitan yang boleh menyusahkan jema^cah haji (Anisah, 2014: 94). Pandangan mereka adalah seperti berikut: Mazhab Hanafi berpendapat, suci daripada hadas semasa tawaf tidak menjadi syarat sah haji malah itu ialah suatu perkara wajib haji yang boleh digantikan dengan membayar dam. Oleh itu sekiranya seseorang berhadas kecil melakukan tawaf maka tawafnya sah dan dia mestilah membayar dam seekor kambing. Sekiranya seseorang yang melakukan tawaf itu dalam keadaan junub atau haid, maka tawafnya sah dan dia mestilah membayar dam seekor unta serta mengulangi tawaf sekiranya dia masih berada di Mekah. (Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jil. 1: 431)

Terdapat pelbagai amalan pengurusan semasa ketika kedatangan haid, nifas dan istihadhah yang perlu di amal dan dijaga bagi menjaga kebersihan, keselamatan dan kesihatan ke atas seorang wanita. Kebersihan sangat perlu diberi perhatian memandangkan Islam amat menitikberatkan elemen ini demi melahirkan umat yang sihat dan sejahtera.

AMALAN PENGURUSAN BERSUCI SELEPAS KEDATANGAN DARAH-DARAH WANITA

Pengkaji mengkategorikan pengurusan bersuci selepas kedatangan darah-darah wanita ini pula kepada amalan mandi hadas haid dan nifas serta amalan-amalan sunat ketika bersuci.

a. Mandi Hadas Haid dan Nifas

Wanita yang mengalami haid wajib mandi apabila darahnya telah berhenti dan dia pula wajib menunaikan solat. Cara mandinya adalah sama seperti mandi junub dari segi sayart dan sunat-sunatnya. Mandi nifas juga telah disepakati ulama wanita wajib mandi kerana nifas juga mempunyai persamaan dalam kebanyakan hukum. Waktu wajib mandi bagi wanita nifas adalah apabila terhentinya darah nifas tersebut. (Nuruddin, 2011: 180). Dalam perkara ini kedudukan wanita haid dan nifas adalah sama daripada segi hukumnya cuma salah satu perbezaannya ialah bilangan hari yang berada dalam keuzuran syar'ie tersebut. Wanita haid mempunyai had tempoh maksima darahnya hingga kepada bilangan lima belas hari dan wanita nifas pula mempunyai tempoh maksima darah nifasnya kepada empat puluh hari menurut mazhab Syaf'ie (Al-Asbah wa al-Naza'ir, 2013: 519).

Pengurusan mandi wajib yang sebenar adalah mengikut anjuran Rasulullah S.A.W iaitu wajib meratakan air hingga ke akar rambut dan kulit. Ini adalah bertepatan dengan hadis menerusi Saidatina Aisyah R.A:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ يَبْدَأُ فَيَغْسِلُ يَدَيْهِ. ثُمَّ يُفْرَغُ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَيَغْسِلُ فَرْجَهُ. ثُمَّ يَتَوَضَّأُ وَضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ. ثُمَّ يَأْخُذُ الْمَاءَ فَيُدْخِلُ أَصَابِعَهُ فِي أَصُولِ الشَّعْرِ. حَتَّى إِذَا رَأَى أَنَّ قَدْ اسْتَبْرَأَ حَفَنَ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثَ حَفَنَاتٍ. ثُمَّ أَفَاضَ عَلَى سَائِرِ جَسَدِهِ. ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَيْهِ

Adalah Baginda S.A.W apabila mandi daripada janabah, Baginda S.A.W memulai dengan mencuci kedua belah tangannya, dua kali atau tiga kali, kemudian Baginda S.A.W menuangkan air dengan tangan kanannya atas tangan kirinya, lalu Baginda S.A.W mencuci keci kemaluannya kemudian berwudhuk, Baginda S.A.W mengambil air lalu memasukkan jari-jarinya ke dalam akar rambutnya, lalu Baginda S.A.W menuangkan air atas kepalanya tiga kali tuangan, kemudian Baginda S.A.W mengalirkan air ke seluruh tubuh, lalu Baginda S.A.W mencuci kedua kakinya. (Sahih Muslim, Kitab al-Haid, Bab Sifati Ghusli al-Janabah, Juz. 1: No. 744)

b. Amalan-amalan Sunat Ketika Mandi Haid dan Nifas

i. Menyelak Rambut dan Merungkaikan Sanggul Ketika Mandi

Disunatkan wanita menyelak rambutnya dengan sikat atau jari dan merungkaikan sanggul (jika ada) ketika mandi hadas haid untuk memudahkan air sampai ke seluruh rambutnya. Ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W:

انْقِضِي رَأْسَكَ وَامْتَشِطِي

Rungkaikanlah rambut kepalamu sambil menyikatnya (Sahih Bukhari, Kitab al-Haid, Bab Imtisyati al-Mar'ati cInda Ghusliha Minal Mahidh, Juz. 1: No. 316)

ii. Sunat Menggosok Ketika Mandi

Adalah disunatkan memperelokkan lagi cara pengurusan bersuci seorang wanita itu ketika melakukan mandi hadas haid dan nifas, seperti menggosok dengan kuat di atas kepala supaya air mampu sampai ke akar umbi Terdapat beberapa hadis yang menganjurkan amalan ini sebagaimana riwayat Sayidatina Aisyah R.A:

تَأْخُذُ إِحْدَاكُنَّ مَاءَهَا وَسِدْرَتَهَا، فَتَطَهِّرُ فَتُحْسِنُ الطُّهُورَ، ثُمَّ تَصُبُّ عَلَى رَأْسِهَا فَتَذْلُكُهُ
دَلْكَاً شَدِيداً حَتَّى تَبْلُغَ شُؤُونَ رَأْسِهَا، ثُمَّ تَصُبُّ عَلَيْهَا الْمَاءَ

Salah seorang daripada kamu (wanita) hendaklah mengambil airnya (air mandian) dan daun bidara, lalu hendaklah dia bersuci dan memperelok penyuciannya. Kemudian hendaklah dia menuangkan air ke atas kepalanya sambil menggosokkannya dengan kuat sehingga sampai ke seluruh kepalanya iaitu ke umbi rambutnya. Kemudian curahkanlah air ke seluruh tubuhnya. (Sahih Muslim, Kitab al-Haid, Bab Istihbabi Isticmali Minal Haidh Firsotan Min Miskin Fi Maudhicie ad-Dammi, Juz. 1: No. 61)

iii. Sunat Memakai Wangi-Wangian Ketika Mandi

Mewangikan dan mengharumkan tempat keluarnya darah haid adalah satu amalan yang sunat dilakukan baik ketika mandi hadas haid tersebut mahupun sebelum mandi. Ulama berselisih pendapat tentang masa penggunaannya, terdapat yang mengatakan sebelum mandi hadas ianya diamalkan. Caranya ialah mewangikan farajnya dengan mengambil secebis kain yang diperbuat daripada bulu dan seumpamanya. Kemudian sejenis bau-bauan daripada kasturi dan selainnya bolehlah dimasukkan dengan kapas atau kain berkenaan ke dalam farajnya selesai mandi. (Al-Majmuc, Jil.2, 1997: 217)

أَنَّ امْرَأَةً سَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ غُسْلِهَا مِنَ الْمَحِيضِ، فَأَمَرَهَا كَيْفَ تَغْتَسِلُ،
قَالَ: خُذِي فِرْصَةً مِنْ مَسْكِ، فَتَطَهَّرِي بِهَا قَالَتْ: كَيْفَ أَتَطَهَّرُ؟ قَالَ: تَطَهَّرِي بِهَا، قَالَتْ:
كَيْفَ؟ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ، تَطَهَّرِي فَاجْتَبِذْهَا إِلَيَّ، فَقُلْتُ: تَتَّبِعِي بِهَا أَثَرِ الدَّمِ

Seorang wanita bertanyakan Nabi S.A.W tentang cara melakukan mandi mengangkat hadas haid. Lalu Baginda S.A.W menyuruhnya dengan cara mengajar cara mandi melalui sabdanya: Ambillah sedikit kasturi (wangian) dan bersucilah dengannya. Dia bertanya, bagaimanakah saya hendak bersuci? Baginda S.A.W menjawab, bersucilah dengannya. Dia bertanya lagi,

bagaimanakah saya hendak bersuci?. Baginda S.A.W menjawab, Subhanallah, bersucilah. Lalu aku menarik wanita tersebut (dekat) kepadaku dan aku katakana kepadanya, susulilah, wangian itu akan kesan-kesan darah. (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Haid, Bab Dalki al-Mar'ati Nafsaha Iza Tohharat Minal Mahidh, Juz. 1: No. 314)

Amalan pengurusan bersuci selepas kedatangan haid seperti mandi hadas haid dan nifas serta menjaga amalan-amalan sunat ketika mandi hadas tersebut merupakan pelengkap kepada pengurusan sebenar yang perlu diamalkan oleh wanita yang mengalami kedatangan darah-darah tersebut.

KESIMPULAN

Islam menetapkan pelbagai amalan dan cara mengurus bersuci darah-darah wanita yang telah menjadi perkara tetap dan alami bagi kaum ini. Cara pengurusan bersuci perlu dipraktikkan dan dijadikan amalan hidup sepanjang masa supaya keyakinan kita dalam aspek kebersihan sering terjaga. Kegagalan mengetahui perkara-perkara awal ini akan menyebabkan ibadah yang mereka lakukan terdedah kepada kecacatan dan seterusnya ditolak oleh Allah S.W.T. Tidak ada seorang pun dari kalangan kita yang mahu ibadahnya ditolak oleh Allah S.W.T pada hari kiamat nanti. Jelaslah perkara haid perlu diketahui dengan jelas oleh umat Islam. (Basri, 2006: iii).

Dalam masalah ini masyarakat tidak perlu merasa malu kerana telah sabit dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari menerusi Ummu Sulaim:

جَاءَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ فَهَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلٍ إِذَا احْتَلَمَتْ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا رَأَتْ الْمَاءَ فَعَطَّتْ أُمُّ سَلَمَةَ تَغْنِي وَجْهَهَا وَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْتَحْتَلِمُ الْمَرْأَةُ قَالَ نَعَمْ تَرَبَّتْ يَمِينُكَ فِيمَ يُشَبِّهُهُ وَلَكُهَا

Ummu Sulaim telah menemui Rasulullah S.A.W dan bertanya: “Wahai Rasulullah, Allah S.W.T tidak malu (tidak meninggalkan) daripada menerangkan perkara yang hak (benar), adakah seorang wanita wajib mandi apabila dia bermimpi?”. Nabi S.A.W bersabda: “Ya, apabila dia melihat (kesan) air mani pada dirinya.” Ummu Sulaim menutup mukanya kerana malu. Beliau bertanya lagi: “Wahai Rasulullah, adakah wanita juga berihstilam?” Baginda S.A.W bersabda: “Ya, semoga Allah S.W.T memberikan kebaikan padamu, dari manakah datangnya penyerupaan atau persamaan anak dengan ibunya?” ?” (Al-Bukhari, Sahih, Juzuk 1, Kitab Al-Haid, Bab Wujub Al-Gasli, Hadis No. 34)

Pengurusan bersuci sebelum, semasa dan selepas perlu diberi perhatian khusus dalam kalangan wanita hari ini kerana mendalaminya membawa kebaikan kepada diri sendiri dan generasi masa depan. Pengurusan ini hanyalah sebahagian bab kecil sahaja dalam perihal darah- darah wanita yang masih umum dan banyak. Bab haid, nifas dan istihadhah ini merupakan bab- bab fiqh yang agak sulit. Di antara golongan wanita yang sering menimbulkan kesulitan ialah golongan *mutahayyirah* iaitu golongan wanita yang sering beristihadhah (*mustahadhah*), mereka ini terlupa mengenai kebiasaan datangnya darah haid dari segi kuantiti dan masanya, berkemungkinan disebabkan kelalaiannya atau pun ditimpa penyakit gila. Dinamakan *mutahayyirah* kerana keraguannya tentang urusan diri sendiri atau kerana dia menimbulkan keraguan kepada seseorang yang faqih untuk menghuraikan permasalahannya (Nuruddin, 2011; 152). Maka pentahkikan dalam kalangan fuqaha dalam bab tersebut selari dengan keperluan semasa. Imam Nawawi R.A contohnya telah mengumpulkan persoalan mengenai haid di dalam kitabnya *Syarh al- Muhazzab*, satu jilid yang besar mencakupi segala jenis persoalan berkaitan. Persoalan-persoalan umum malah sering berulang-ulang juga telah membuahkan hukum hakam yang banyak seperti taharah, solat, membaca al-Quran, talak, khulu', ila, iddah, istibra' dan sebagainya.

Rumusannya setiap umat Islam khususnya kaum wanita wajib mengambil perhatian untuk mempelajarinya seterusnya mengamalkannya bagi memperolehi penyelesaian kepada setiap persoalan yang mungkin timbul ke atas dirinya sendiri, anak-anaknya dan ahli keluarganya sendiri.

RUJUKAN

- _____, *Al-Quran dan Terjemahan*. 1990. Madinah Munawwarah. Saudi Arabia.
- _____, 2013. Thesis Writing Guidelines Graduate School: Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSA)
- Abd Al-Wahhab Abd As-Salam Tawilah. *Fiqh Al-Taharah*. Cetakan 1. 1986. Dar Al-Salam. Al-Qahirah.
- Abu Na'im Ahmad bin 'Abdillah Bin Ahmad Bin Ishak Bin Musa Bin Mahram Al-Hirani Al-Asbahani. 1417H/1996M, *Al-Musnad Al-Mustakhraj ala Sohih al-Imam Muslim*, Tahqiq Muhammad Hassan Isma'il As- Syafie Cetakan 1. Dar Al-Kutub 'Ilmiah, Beirut, Lubnan
- Al-Bujairimi Wal-Khatib As-Syarbini. *Hasyiah Al-Bujairimi 'Ala Al-Khatib*. 1996. Jil.3. Darul Kutub Ilmiah.
- Anisah Ab Ghani, 2001. *Konsep dan Pengamalan Solat Satu Kajian di Zaman Rasulullah S.A.W*. Al-Hidayah, Kuala Lumpur.
- Anisah Ab. Ghani, Dr. *Darah Wanita Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*. 2014. Telaga Biru Sdn Bhd Kuala Lumpur.
- Basri bin Ibrahim, Al-Hasani Al-Azhari, Dr. 2010. *Soal Jawab Mudah Berkaitan Haid, Istihadhah dan Nifas*. Perniagaan Jahabersa Johor.
- Basri Ibrahim. 2006. *Siri Hukum Fiqh Islam 1 Hukum Hakam Haid*. Darul Fuqaha & Bayt Al-Hikmah, Terengganu Ibnu al-Humam al-Hanafi. Fathu al-Qader. 2009. Jilid 4. Tahkik: Abd Razak Ghalib Al-Mahdi, Syekh. Dar Kutub cIlmiyyah.
- Ibnu Kathir Al-Hafiz. 1994. Tahqiq Syekh Syafiyurrahman. *Al-Fatawa Al-Kubra*,

- Pustaka Ibnu Kathir. Jakarta. Ibnu Taimiyah, Darul Kitab al-Ilmiyah, Beirut, Jilid 2.
- Ibnu Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukrim, *Lisan al 'Arab*, Cetakan 3, Jilid 8, 1994. Dar Sadr Beirut.
- Ibnu 'Abidin Muhammad Amin Ibnu 'Umar Bin Abd Aziz. *Hasyiah Ibnu 'Abidin*. Jilid 1. 2000. Dar al-Ma'rifat Beirut.
- Imam Nawawi. 1997. *Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab*. Tahqiq: Muhammad Najib Al-Muti'. Pustaka Azzam. Jakarta.
- Isma'il Kamus, Dato' dan Mohd Azrul Azlen Ab. Hamed. 2009. *Indahnya Hidup Bersyar'iat*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Jalaluddin Abdurrahman As-Suyuti, Imam, *Al-Asbah Wan Nazair, Kaedah Fiqh Imam Syafie*, 2013, Penterjemah Abu Ezzat Al-Mubarak, Perniagaan Jahabersa, Johor.
- Jamaluddin 'Abdul Rahman Ibnul Jauzi, 2003, *Ahkamu An-Nisa'*. Tahkiq D.Muhammad Al-Iskandarani. Dar Al-Kitab Al-'Arabi.
- Joseph, H.K dan Nughroho.M. 2010. *Catatan Kuliah Ginekologi dan Obstetri*. Yog Jakarta:Nuha Medika. Joseph, H.K dan Nughroho.M. 2010. *Catatan Kuliah Ginekologi dan Obstetri*. Yog Jakarta:Nuha Medika.
- Joyce M.Hawkins. 2011. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Penerbit Fajar Bakti. Selangor Darul Ehsan.
- Kamal al-Din Muhammmad bin Musa bin Isa ad-Damiri. 2004. *An-Najmu Aluhaj Fi Syarah al-Minhaj*. Tahqiq Majmua ah Bahithin. Cetakan ke3. Darul Minhaj Wal Bahsu al- IImi. As-Sa udiah, Beirut, Lubnan.
- Kumuhd Asmadi bin Kumohd Saad. 2012. *Doa dan Zikir Khusus Untuk wanita Haid*. Pustaka Al-Ehsan, Selangor. Mansoor Ismail, *Tuhfatul Aizaz Fi Idhohi Masail Dimai an-Nisa*. 2010. Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur.
- Mansoor Ismail. 2012. *Soal Jawab Agama Mengenai Darah Wanita Bersama Ustaz Mansoor Al-Hafiz, Haid, Istihadhah & Nifas*. Inteam Publishing. Kuala Lumpur.
- Mansur Bin Yunus Al-Buhuti. *Kasyaf Al-Qina' 'An Matan Al-Iqna'*. 2009. Terjemah & Tahkik Muhammad Hassan Ismail. Jilid 1. Dar Kutub Al-cIlmiyah.
- Muhammad Nasiruddin Al-Bani. *Al-Bani, Sahih Wa Dhacif Al-Jami' As-Saghir Wa Ziyadatuhu*. Al-Maktab Al-Islami, t.th.
- Muhammad Nuruddin Al-Makki Marbu Al-Banjar. 1991M/1412, *Al-Ihatah Bi Ahammi Masail Haid Wa Annifas Wa Al Istihadhah*. Cet. 1, Majlis Ihya' al-Kutub al-Turath al-Islami.
- Muhammad Nuruddin Al-Makki, 1997, *Ihatah Bi Ahammi Masail Haid Wa an-nifas Wa al-Istihadhah*, Terjemahan Muhammad Ramzi Omar. Umi Bersih Enterprise, Kuala Lumpur. Tawilah, Abd. Al-Wahhab Abd al-Salam. 1986. *Fiqh al-Taharah*. Dar as-Salam. Al-Kaherah.
- Muhammad Nuruddin Al-Makki, 2011, *Darah-Darah Haid, Nifas dan Istihadhah*. Cet. 1, Telaga Biru Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi', *Sahih al-Lu'Lu' Wal Marjan, Himpunan Hadis Sahih Yang Disepakati Imam Bukhari dan Imam Muslim (Muttafaq Alaih)*, 2015, Al-Hidayah House Of Publishers, Selangor
- Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam* 1994. Penterjemah Syed Ahmad Syed

Hussain, et al.. Jilid 1. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
Wahbah Al-Zuhaili, Dr. 2010. *Al-Fiqh al-Islami Wa Usuluhu*. Dar al-Fikr al-Mua'sir.
[www.e-fatwa.gov.my /blog/cara-pengiraan-haid](http://www.e-fatwa.gov.my/blog/cara-pengiraan-haid), 22 Ogos 2014.